

12/3



PUSTAKA PERINGATAN KUALA LUMPUR
92, Jalan Raja, 50050 Kuala Lumpur.
Tel: 2926204, 2932405, 2926194

Januari / Februari 1996

ISSN 0268-1104

NASKAH PERCUMA

Suara

BANDARAYA

REKOD
DIGITAL
P



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff, "DBKL amalkan dasar pintu terbuka".

Kuala Lumpur Berwajah Baru

DBKL akan terus mengamalkan dasar pintu terbuka bagi mewujudkan perkhidmatan cekap dan profesional selaras dengan Piagam Pelanggan. Azam itu dinyatakan oleh Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff, 54, dalam ucapan pertamanya sebagai Datuk Bandar di sidang akhbar di pejabatnya.

Menurutnya, tumpuan juga diberi kepada melahirkan konsep pembangunan seimbang yang menggabungkan pembangunan fizikal dan rohani. Beliau juga berhasrat meneruskan Kuala Lumpur sebagai bandar raya dalam taman dan meningkatkan kebersihan. Selain itu

menerapkan konsep berkualiti untuk keselesaan dan kesejahteraan wargakota yang berjumlah 1.2 juta orang.

Beliau berkata, perantikannya itu sebagai satu cabaran paling besar dalam kerjayanya dan berikrar menggembeleng tenaga dan memaksimumkan kualiti pengurusan. Di

samping itu meningkatkan imej bandar raya supaya dikagumi dalam negeri dan luar negara.

Jawatan Datuk Bandar menjadi lebih mencabar dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada wargakota. Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff, dilantik sebagai Datuk Bandar yang kelima mulai 14 Disember, 1995

bagi tempoh dua tahun menggantikan tempat Dato' Dr. Mazlan Ahmad yang bertugas sebagai Datuk Bandar keempat selama tiga tahun 17 hari. Beliau berpindah ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Pengarah menggantikan Tan Sri Mahmud Taib.



Baru dan lama.

■ lihat muka 28

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Md. Dahalan bin Md. Noor

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan**Abdul Rani Mohd Sohor****Sumbangan**

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat

Bangunan DBKL - 2916011

Hot Line (24 Jam) - 4231127

Unit Kecemasan 24 Jam

(JPBandar) - 9843434

Skuad Penyelamat 24 Jam

(DPenguatkuasaan) - 4231127

Aduan Awam - 2934531

Aduan JKAL - 2915128

Aduan JPPerumahan - 2912112

JPoleshan - 2911699

JP Penjaja - 2621998

DPenguatkuasaan - 4231127

JPengangkutan Bandar - 2911555

JPPerumahan - 2938130

Bng. Keb. & Sukan - 2933344

B. Ukur Bahan - 4117044

Pej. Caw. Cheras - 9711530

Pej. Caw. Damansara - 7182455

Pej. Cawangan - 7826117

Pej. Caw. Kepong - 6272900

Pej. Caw. Setapak - 4211142

Rencana Menarik

SUARA BANDARAYA JANUARI - FEBRUARI 1996

- 1 Kuala Lumpur Berwajah Baru
- 2 Editorial/Rencana Menarik
- 3 Dari meja Datuk Bandar
- 4 Allocation of RM525M For Management Expenses
Main Objectives Outlined in the Budget
- 5 RM 1,146M For Kuala Lumpur's New Development
5,521 Houses For The Poor
- 6 RM 345M For Infrastructure
RM 367M to Combat Flooding
- 7 Sambutan Ulangtahun ke 40 Meriah
- 8 Keliling Dunia Dengan Basikal
- 9 Membina Pasukan Kerja Berkesan
- 10 Uji Dialog
- 11 Kuala Lumpur Tumpuan Pelajar
- 12 Mengapa Masih Merokok ?
- 13 DBKL Masih Gagah
- 14 Selamat Datang & Berpisah
- 15 Selamat Datang & Berpisah
- 16 Sharifah Aini Masih Hebat
- 17 Razak Gemar Bowling
- 18 Peti Cadangan
- 19 Jawapan Peti Cadangan
- 20 Agama: Hidup Dalam Kesederhanaan
- 21 Bersatu Indahkan Kampung
- 22 Baik Taraf Kesihatan
- 23 Melanjutkan Pelajaran
- 24 Melanjutkan Pelajaran
- 25 Melanjutkan Pelajaran
- 26 Melancong ke Bangkok
- 27 Bakar Mencari Ketenangan
- 28 Belanjawan Induk 1996



Bekerja Dalam Satu Pasukan

Perubahan-perubahan yang bersifat positif, inovatif dan kreatif yang membawa ke arah kebaikan dan pembaharuan perlu dibuat untuk mencapai matlamat dan misi DBKL yang ditetapkan. Pegawai dan kakitangan DBKL perlu bekerjasama sebagai satu pasukan untuk meninggikan imej DBKL.



Justeru itu DBKL perlu perkhidmatan-perkhidmatan yang berkualiti kepada wargakota serta melaksanakan projek, program-program aktiviti-aktiviti mengikut jadual dan spesifikasinya. Bandaraya Kuala Lumpur akan berkembang maju dan membangun dari setiap aspek untuk mencapai pembangunan yang menyeluruh dan seimbang.

Banyak masalah yang perlu diselesaikan sama ada jangka pendek atau jangka panjang.

Antaranya perumahan awam kos

rendah dan sederhana rendah, setinggan yang merupakan 20 peratus penduduk Kuala Lumpur, trafik yang kronik, perparitan, kemudahan sukan dan rekreasi, pelupusan sampah sarap, penjaja dengan bilangan 40,000 yang berlesen dan ramai lagi berniaga tanpa lesen.

Di samping itu Kuala Lumpur berdepan dengan masalah sosial seperti kutu rayau, penagihan najis dadah dan pengemis. Masalah itu perlu ditangani dengan kadar segera dan diberi perhatian yang rapi. Sebenarnya Kuala Lumpur tidak pernah sunyi daripada menghadapi pelbagai masalah. Dalam hubungan ini, para pekerja DBKL perlu bekerja lebih keras, berdisiplin, inovatif, meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

Tidak keterlaluan di katakan Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara Malaysia menjadi tumpuan kepada segenap lapisan masyarakat sama ada dari dalam negeri atau luar negara. Hakikatnya seperti bandar-bandar besar lain, keadaan ini memberi kelebihan kepada mereka membuat penilaian di atas kemampuan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan pembangunan bandar raya.

Namun begitu DBKL perlu memahami hakikat ini bagi membolehkan segala urusan-urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pembangunan Kuala Lumpur dikendalikan berdasarkan kepada pengurusan dan budaya kerja yang cemerlang. Proses perkhidmatan ini perlu ditingkatkan sejajar dengan pembangunan negara.

Sebagai sebuah bandar raya yang mempunyai kewibawaan, meningkatkan kualiti dan produktiviti bukan satu usaha yang dianggap sukar. Dalam perkhidmatan dan pembangunan perbandaran, semua pihak memerlukan antara satu sama lain dan bekerja dalam satu pasukan.

Sajak:

SELAMAT DATANG

(Kepada Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff)

*Terbinalah kota itu
dengan pancaran mentari
kedatanganmu detikannya tepat bukan
sehadar persinggahan
menggamit cahaya dan sinaran
pintu dan gerbang keharmonian
bayangmu menutupi arus damai
berdesir senyum dan dalam diammu
ceria dan mampan bergetar suaramu
memancar keindahan.*

*Sebagai nakhoda persaingan
pasti sengit
memikul makna beban
membantu hanyutnya mereka
di jalan dan lebu.*

*Pintu kota itu luas terbuka
kehadiranmu dinantikan
tembuk disinari
berbudi kepada penghuni
budimu diharapkan.*

WAWA GG

Jln Raja Laut,

14 Disember 1995.